

# MT: Zaharah serah kepada PM

BH - 5 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Ahad — Bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman menyerahkan kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memutuskan sama ada beliau akan dilantik sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT) esok.

Dr Siti Zaharah berkata, beliau tidak berhak untuk memberi sebarang kenyataan mengenai perkara itu kerana segala keputusan tertakluk kepada Presiden.

“Jangan tanya saya. Itu semua keputusan Presiden... tanya Presidenlah. Lagipun, tunggulah bila MT buatantikan. Itu semua spekulasi...,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Terbuka Persatuan Pure Life sempena Jubli Emas di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam yang menamakannya sebagai salah seorang dari tiga tokoh Wanita Umno yang akan dilantik, selain Naib Ketua Wanita Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan anggota Exco, Dr Nor-

raesah Mohamad.

Menurut laporan itu, Dr Mahathir akan mengekalkan Dr Siti Zaharah berikutan pengaruhnya yang masih kuat terutama apabila beliau hanya tewas 12 undi.

Di Mahathir dijangka mengumumkan senarai IO ahli MT yang dilantik pada mesyuarat pertamanya selepas perhimpunan agung lalu, esok.

Ditanya perasaannya jika beliau dilantik menjadi ahli MT, sambil tersenyum Dr Siti Zaharah berkata: “Kalau dilantik baguslah...Kita memang buat kerja.”

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut ketika ditanya sama ada Dr Mahathir ada memberi sebarang petunjuk kepadanya.

“Jangan tanyasaya... tanyalah orangnya,” kata Dr Siti Zaharah.

Terdahulu, dalam ucapannya, beliau yang juga Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berkata, kementerianya sedang merangka Dasar Sosial Negara bagi meningkatkan

pembangunan dalam bidang sosial selaras pengisian matlamat Wawasan 2020.

Dasar itu membolehkan kerajaan menyelaras pelbagai program pembangunan sosial dengan memberi penekanan terhadap peningkatan bidang kesihatan, pendidikan dan pembasmian kemiskinan.

Dr Siti Zaharah berkata, dasar yang akan dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan itu, juga dijangka dapat mengurangkan perbezaan antara pembangunan ekonomi dan sosial di kalangan masyarakat, khususnya di luar bandar.

Katanya, semua pihak, tidak kira individu atau sektor swasta, mempunyai peranan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat yang kurang bernasib baik di negara ini.

“Adalah menjadi amalan murni jika semua pihak sedar akan perkara ini di mana kepentingan masyarakat yang berkeperluan diutamakan lebih dari kepentingan diri sendiri,” katanya.